

Global Art diiktiraf francais terbaik 2019

Syarikat miliki
 cawangan di 19
 negara rangkul
 tiga anugerah

Oleh Saadiah Ismail
 saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Global Art & Creative Sdn Bhd (Global Art) berjaya merangkul tiga anugerah dan dinobatkan sebagai penerima Anugerah Francais Terbaik pada Anugerah Francais Malaysia 2019 (AFM2019), anjuran Persatuan Francais Malaysia (MFA) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Anugerah lain diterima ialah Francalors Terbaik, Francalors Antarabangsa Terbaik (Asia Pasifik) dan Inovasi Francais Terbaik.

Pengasas Global Art, Mahair Goh, berkata beliau sendiri tidak menjangkakan kemenangan ini

memandangkan kebiasaannya sektor makanan dan minuman (F&B) yang sering dinobatkan sebagai pemenang.

Katanya, anugerah ini jelas menunjukkan aspek pendidikan turut mendapat perhatian sekiranya perniagaan francais itu dilakukan dengan objektif untuk memastikan ia berkualiti, bukannya sekadar mengaut keuntungan.

"Saya mulakan perniagaan ini pada tahun 1997 di Puchong dan sehingga kini diperluaskan di 19 negara antaranya Australia, Amerika Syarikat, Arab Saudi, Maghribi dan negara ASEAN lain dengan kira-kira 600 cawangan serta 170 cawangan di negara ini.

"Sepanjang tempoh itu, dianggarkan lebih daripada 1 juta pelanggan berjaya mendapat manfaat daripada apa yang kami lakukan dalam aspek pendidikan kepada anak-anak," katanya ketika ditemui selepas malam anugerah berkenaan, dekat sini, semalam.

Pada majlis berkenaan, anugerah disampaikan oleh Menteri

Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri), Datuk Badrul Hisyam Mohd dan Pengerusi MFA, Datuk Dr Radzali Hassan.

AFM2019 turut melancarkan *Coffee Table Book MFA* berjudul *Malaysian Franchise Association: 25 Years Journey* sebagai sumber rujukan mengenai industri ini sempena sambutan Jubli Perak MFA ke 25 tahun.

Mahair berkata, tidak mudah untuk mengembang perniagaan menjadi francais kerana ia memerlukan kepercayaan daripada setiap orang, bertanggungjawab terhadap produk, kualiti dan perkhidmatan, berbanding hanya mementingkan keuntungan.

"Apabila jenama anda sudah kukuh dalam negara, sebaiknya kembangkan ia ke luar negara kerana pasarnya lebih besar. Tetapi tanggungjawab itu penting kerana ia akan memastikan perniagaan anda terus berjaya secara automatik," katanya.



Saifuddin bersama Mahair (dua dari kanan) pada Majlis Penyampaian Anugerah Francais 2019 di Kuala Lumpur. (Foto Hafiz Sohaimi/BH)

Sementara itu, dalam ucapan Saifuddin berkata, walaupun dalam keadaan ekonomi semakin mencabar, industri francais masih mampu bertahan dan terus menunjukkan perkembangan positif serta terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Pihak Kementerian juga berusaha untuk meletakkan industri francais sebagai sektor utama yang memberi impak tinggi bu-

kan saja dari segi pembangunan keusahawanan tetapi turut menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan dan memberi nilai tambah kepada pengguna, malah jauh lebih itu.

"Kementerian ingin memastikan industri francais ini menjadi antara satu sektor utama penyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia," katanya.



MALAYSIA FRANCHISE AWARDS
EST. 1999

Sekalung Penghargaan kepada

YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail
Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna
Atas Kesudian Beliau menyampaikan Anugerah Francais Malaysia 2019



ANUGERAH FRANCAIS MALAYSIA 2019

Penaja Barangan:



Penaja Tunai:



Penaja Koktel:



Badan Penilai:



FranchiseMY



MY Franchise Hub



www.mfa.org.my

**J-2-1, Boulevard Business Park, Jalan Kuching, No. 115, Jalan Kepingang,
Off Jalan Kuching, 51200 Kuala Lumpur**

Tel: 03-6241 4141 Faks: 03-6241 1551 Emel: secr@mfa.org.my

franchisemalaysia

